



20 APR, 2024

Kastam rampas dadah RM1 juta dalam bungkus teh hijau Cina

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas dadah RM1 juta dalam bungkus teh hijau Cina


BUTTERWORTH: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang melumpuhkan satu sindiket penyeludupan dadah bernilai hampir RM1 juta yang berselindung di sebalik bungkus teh hijau Cina, awal bulan ini.

Pengarah Kastam negeri, Roselan Ramli berkata, ia susulan serbuan yang dilakukan di kawasan perumahan sekitar Bukit Gambir, Gelugor dekat sini hasil maklumat awam.

Terdahulu katanya, satu pemantauan dilakukan di kawasan tersebut hasil kerjasama Cawangan Risiko dari Ibu pejabat JKDM serta sepasukan pegawai Unit Narkotik di Bahagian Penguatkuasaan Kastam negeri.

“Selepas hampir lapan jam menunggu, didapati tiada sebarang pergerakan di kawasan terbabit sebelum satu pemeriksaan lanjut dilakukan.

“Hasil pemeriksaan kemudiannya menjumpai dua beg plastik bercorak yang diletakkan di bawah pokok di dalam kawasan perumahan berkenaan.



ROSELAN Ramli menunjukkan dadah dibalut dengan bungkus teh hijau Cina yang dirampas dalam sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan JKDM di Bagan Jermal, Butterworth, Pulau Pinang. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

“Pemeriksaan lanjut seterusnya menemukan sebanyak 30 bungkus kecil yang dibalut dengan teh hijau Cina berisi hablur kristal dipercayai dadah

jenis Methamphetamine seberat 30 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM966,976,” katanya.

Roselan berkata demikian ke-

pada pemberita di Stor Penguatkuasaan JKDM di Bagan Jermal di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesemua dadah yang dirampas itu boleh digunakan oleh seramai 150,000 penagih jika terlepas ke pasaran gelap.

“Ketika ini pihak kastam masih menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan suspek-suspek yang terlibat dalam sindiket ini.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum mati atau dipenjarakan seumur hidup selain dikenakan tidak kurang daripada 15 sebatan,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Roselan menggesa orang ramai untuk membantu pihak kastam dalam memerangi jenayah penyeludupan khususnya melibatkan rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan sebagainya selain menasihatkan mereka agar tidak membabitkan diri dengan aktiviti sedemikian.



20 APR, 2024

Kastam rampas dadah RM1 juta dalam bungkusan teh hijau Cina

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

BUTTERWORTH: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang melumpuhkan satu sindiket penyeludupan dadah bernilai hampir RMI juta yang berselindung di sebalik bungkusan teh hijau Cina, awal bulan ini. Pengarah Kastam negeri, Roselan Ramli berkata, ia susulan serbuan yang dilakukan di kawasan perumahan sekitar Bukit Gambir, Gelugor dekat sini hasil maklumat awam.